

# Prof. Dr. Aini Naib Canselor UPM baharu

**KUALA LUMPUR** 8 Jan. - Prof. Datin Dr. Aini Ideris dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baharu bagi tempoh dua tahun berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Kementerian Pendidikan Tinggi dalam kenyataan di sini hari ini memberitahu, pelantikan itu bagi menggantikan Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan yang tamat khidmat jawatan itu pada akhir tahun lalu.

Aini yang sebelum ini merupakan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM memiliki Ijazah Doktor Perubatan Veterinar UPM, Ijazah Sarjana Veterinar Universiti Liverpool, England dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Perubatan Avian UPM.

Antara jawatan utama yang pernah disandang beliau di UPM ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pengurus Hospital Pengajaran Veterinar, Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Dekan Sekolah Pengajian Siswazah dan

Pengerusi Lembaga UPM Holdings.

Kepakaran beliau dalam bidang veterinar diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa apabila diberi kepercayaan untuk menganggotai pelbagai jawatankuasa di Kementerian Pendidikan Tinggi; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pertanian.

“Beliau juga pernah dilantik sebagai Fellow Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Persatuan Ahli-Ahli Sains Ma-

laysia, Fellow Pengasas Malaysian College of Veterinary Specialists (FMCVS) dan Ahli Lembaga Governan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

“Dalam pada itu, pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi atas khidmat bakti beliau sepanjang menjawat jawatan sebagai Naib Canselor UPM bermula 1 Januari 2013,” katanya menurut nyataan itu.



**AINI IDERIS**